Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.02

PENDERHAKA ATAU PAHLAWAN? KRIMINALISASI KOLONIAL, *HYBRIDITY* DAN *SUBALTERNITI* TERMEDIA DALAM SI BONGKOK TANJUNG PUTERI

LENA FARIDA HUSSAIN CHIN[*]
Universiti Pendidikan Sultan Idris
lena.farida@fmsp.upsi.edu.my

NADHILAH SUHAIMI
Universiti Pendidikan Sultan Idris
nadhilah@fmsp.upsi.edu.my

[*]*Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Drama Si Bongkok Tanjung Puteri (SBTP) karya Shaharom Husain (1961) menampilkan pertentangan antara kuasa tempatan, kepentingan British dan seorang tokoh yang dinamakan "lanun" serta "penderhaka". Berbanding pembacaan yang melihat Si Bongkok terutama sebagai pemberontak yang digerakkan oleh dendam peribadi, artikel ini menghujahkan bahawa kategori "penderhaka", "lanun" dan "pahlawan" dalam SBTP tidak bersifat neutral, sebaliknya dihasilkan melalui hubungan kuasa, legitimasi politik dan wacana kolonial. Dengan menggunakan analisis tekstual interpretatif dan pembacaan dekat yang dikontekstualisasikan secara sejarah, kajian menggabungkan konsep hegemoni Gramsci, *hybridity* dan *mimicry* Bhabha, serta *subalterniti* Spivak sebagai rangkaian analitik. Analisis menunjukkan bahawa pembesar tempatan bukan sekadar meniru penjajah, tetapi beroperasi dalam ruang kuasa hibrid apabila autoriti tradisional disusun semula melalui pengiktirafan, simbol dan kepentingan kolonial. Si Bongkok pula lebih tepat dibaca sebagai figura *subaltern* yang ambivalen di mana suaranya hadir melalui mediasi dramatik dan melalui tindakan yang telah terlebih dahulu dikriminalisasikan oleh wacana dominan. Dengan menghubungkan teks drama kepada historiografi mutakhir tentang pelabelan *"piracy"* dalam peluasan imperial di Asia Tenggara, artikel ini menunjukkan bahawa kriminalisasi merupakan teknologi wacana yang membezakan keganasan "sah" negara daripada keganasan "tidak sah" penentang. Sumbangan utama kajian ialah model pembacaan yang menghubungkan persekutuan kolonial-elit tempatan, kriminalisasi wacana, *subalterniti* termedia dan ambivalensi kepahlawanan. Justeru, SBTP bukan sekadar drama sejarah tentang seorang lanun, tetapi tapak kritikal yang mendestabilkan binari penderhaka/pahlawan dan menyoal siapa yang memiliki kuasa untuk menamakan sesuatu bentuk penentangan sebagai jenayah.

Kata kunci: pascakolonialisme; kriminalisasi kolonial; *subaltern*; hegemoni; *hybridity*

ISSN 1675-7513

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.02

ABSTRACT

Shaharom Husain's Si Bongkok Tanjung Puteri (SBTP, 1961) stages a conflict among local authority, British interests, and a figure named simultaneously as a "pirate" and a "traitor". Rather than treating Si Bongkok primarily as an individual rebel driven by personal revenge, this article argues that the categories of traitor, pirate and hero in SBTP are not neutral descriptions but discursive effects of power, political legitimacy and colonial ordering. Employing an interpretive textual analysis and historically contextualised close reading, the study brings Gramsci's hegemony, Bhabha's hybridity and mimicry, and Spivak's *subaltern*ity into a relational analytical framework. The analysis demonstrates that Malay elites do not merely imitate colonial rulers; they occupy a hybrid political space in which traditional authority is reconfigured through colonial recognition, symbols and interests. Si Bongkok is therefore more productively read as an ambivalent *subaltern* figuration whose voice reaches the audience through dramatic mediation and through actions already criminalised by dominant discourse. By placing the play in dialogue with recent historiography on the colonial construction of "*piracy*" in Southeast Asia, the article shows how criminalisation operates as a discursive technology separating legitimate state violence from illegitimate resistance. Its principal contribution is an analytical model linking colonial-local elite complicity, discursive criminalisation, mediated *subaltern*ity and ambivalent heroism. SBTP thus emerges not merely as a historical drama about a pirate, but as a critical site that destabilises the traitor/hero binary and asks who possesses the authority to name resistance as crime.

Keywords: postcolonialism; colonial criminalisation; *subaltern*ity; hegemony; hybridity

PENGENALAN

Kesusasteraan dan teater sejarah tidak hanya mengulang masa lalu; kedua-duanya turut memilih sudut pandang, menstrukturkan ingatan dan menentukan siapa yang dapat muncul sebagai wira, pemberontak, penjenayah atau mangsa. Dalam konteks masyarakat yang pernah dijajah, proses penamaan sedemikian mempunyai implikasi politik kerana bahasa kolonial kerap mengaburkan perbezaan antara keganasan yang dianggap sah oleh negara dengan tindakan bersenjata yang dinilai sebagai ancaman terhadap ketertiban. Oleh itu, pembacaan terhadap teks sejarah pascakolonial memerlukan perhatian bukan sahaja terhadap apa yang dilakukan oleh sesuatu watak, tetapi juga terhadap siapa yang menamakan tindakan tersebut dan struktur kuasa yang menjadikan sesuatu label kelihatan semula jadi.

Drama Si Bongkok Tanjung Puteri (selepas ini SBTP) karya Shaharom Husain, yang diterbitkan pada 1961, memberikan ruang yang produktif untuk persoalan tersebut. Drama ini berlatarkan pergolakan politik Johor dan Singapura pada abad ke-19 serta memusatkan konflik antara Si Bongkok dengan pembesar tempatan yang berhubung rapat dengan struktur kuasa yang disokong British. Dalam teks, Si Bongkok dinamakan sebagai lanun dan penderhaka kerana merompak kapal dagang serta menolak autoriti Temenggung Ibrahim. Namun, dialognya turut menyatakan penolakan terhadap "Kompeni" dan campur tangan kuasa asing. Ketegangan inilah yang menjadikan persoalan "penderhaka atau

pahlawan?" bukan sekadar pilihan moral, tetapi masalah epistemologi tentang kuasa menentukan makna penentangan.

Artikel ini berangkat daripada dua masalah utama. Pertama, pembacaan terdahulu terhadap Si Bongkok cenderung terbahagi antara penekanan terhadap pemberontakan peribadi berasaskan dendam dan pembacaan pascakolonial yang mengaitkan tindakannya dengan penentangan terhadap kuasa asing. Kedua, konsep *hybridity*, *mimicry* dan *subaltern* sering digunakan secara deskriptif dalam kajian sastera, seolah-olah *hybridity* sekadar percampuran, *mimicry* sekadar peniruan dan *subaltern* sekadar sinonim bagi golongan tertindas. Artikel ini memperketat penggunaan konsep tersebut dengan menjadikannya sebahagian daripada satu rangkaian hubungan kuasa.

Justeru, artikel ini tidak mendakwa bahawa Si Bongkok ialah "pahlawan tulen" yang harus dibersihkan daripada semua kesalahan. Sebaliknya, tesis utamanya ialah bahawa SBTP mendestabilkan binari kolonial antara penderhaka dan pahlawan dengan menunjukkan bagaimana kriminalisasi dihasilkan melalui persekutuan kuasa kolonial dan elit tempatan. Si Bongkok dibaca sebagai figurasi *subaltern* yang ambivalen: beliau melakukan kekerasan, mempunyai motif peribadi dan pada masa yang sama menolak susunan politik yang memperoleh legitimasi melalui kuasa asing. Ambivalensi ini penting kerana ia mengelakkan romantisasi penentangan sambil tetap mengkritik monopoli wacana pemerintah terhadap kategori "jenayah".

Secara khusus, kajian ini menggariskan tiga objektif utama. Pertama, menganalisis bagaimana wacana sosial, ekonomi dan politik dalam SBTP membentuk pembezaan antara autoriti yang dianggap sah dengan tindakan penentangan yang dikriminalisasikan. Kedua, meneliti kedudukan dan peranan pembesar tempatan yang beroperasi dalam ruang kuasa hibrid, khususnya dalam meniru serta mengadaptasi bentuk legitimasi kolonial. Ketiga, menghuraikan Si Bongkok sebagai representasi *subaltern* yang suaranya tidak hadir secara langsung, sebaliknya dibentuk dan disampaikan melalui perantaraan wacana yang bersifat ambivalen. Berdasarkan ketiga-tiga objektif tersebut, artikel ini membentuk suatu kerangka analitik yang memperlihatkan hubungan antara persekutuan kuasa kolonial dengan elit tempatan, proses pembentukan legitimasi, kriminalisasi terhadap penentangan, pembentukan kedudukan *subaltern* yang termedia, serta kemunculan ambivalensi dalam pemaknaan Si Bongkok sebagai seorang pahlawan.

SOROTAN KAJIAN DAN KERANGKA KONSEPTUAL

Pascakolonialisme, Hegemoni Dan Kuasa Penamaan

Teori pascakolonial meneliti kesan kolonialisme bukan sahaja sebagai peristiwa sejarah tetapi sebagai struktur representasi, pengetahuan dan kuasa yang dapat berterusan selepas tamatnya pemerintahan formal (Said, 1978; Ashcroft, Griffiths, & Tiffin, 2002). Dalam konteks ini, istilah yang digunakan oleh kuasa kolonial, termasuk "pirate", "rebel", "savage" atau kategori undang-undang yang setara, tidak boleh dianggap semata-mata deskripsi empirikal. Ia turut berfungsi untuk menyusun sempadan antara subjek yang dapat diiktiraf dengan subjek yang boleh dihukum.

Konsep hegemoni Gramsci (1971) membantu menjelaskan bagaimana dominasi bertahan melalui gabungan paksaan dan persetujuan. Hegemoni menjadi penting dalam

SBTP kerana kuasa kolonial tidak beroperasi secara langsung sahaja; ia memperoleh keberkesanan melalui pengantaraan elit tempatan, bentuk pentadbiran dan bahasa legitimasi yang diterima sebagai "akal budi bersama". Perhatian kepada elit perantara ini membolehkan analisis bergerak melampaui binari mudah penjajah/dijajah.

Perkembangan mutakhir dalam perbahasan *subaltern* turut menekankan bahawa *subaltern* tidak harus direduksi kepada identiti tetap sebagai "mangsa yang tidak bersuara". Thomas (2018) mengingatkan bahawa gagasan *subaltern* dalam Gramsci mempunyai dimensi sejarah dan politik yang lebih dinamik daripada sekadar pengecualian. Dalam tradisi Spivak (1988), persoalan yang lebih sukar ialah representasi: siapakah yang membolehkan suara *subaltern* didengar, melalui bahasa siapa, dan dalam struktur epistemologi apa? Oleh itu, artikel ini menggunakan istilah "figurasi *subaltern*" bagi mengelakkan dakwaan bahawa watak fiksyen Si Bongkok dapat disamakan secara terus dengan subjek sejarah yang tidak dimediasi.

Hybridity Dan *Mimicry* Sebagai Negosiasi Kuasa

Bhabha (1994) memahami *hybridity* bukan sekadar percampuran dua budaya, tetapi proses yang menghasilkan ruang ketiga, ruang negosiasi yang mengganggu tuntutan ketulenan identiti penjajah dan dijajah. Dalam konteks politik, konsep ini berguna apabila bentuk autoriti tempatan tidak lagi beroperasi semata-mata menurut legitimasi tradisional, tetapi disusun semula melalui hubungan, simbol dan pengiktirafan kolonial. Oleh itu, artikel ini menggunakan istilah "*hybridity* politik" secara terhad untuk merujuk kepada konfigurasi kuasa yang terhasil daripada pertemuan kedua-dua logik tersebut, bukan sebagai sinonim bagi kesetiaan kepada penjajah.

Mimicry pula tidak disamakan dengan kepura-puraan. Bhabha menekankan peniruan yang menghasilkan subjek "hampir sama tetapi tidak sepenuhnya", iaitu proses yang sekali gus menyokong dan mengganggu autoriti kolonial. Dalam SBTP, *mimicry* dibaca apabila elit tempatan mengadaptasi bentuk simbolik dan bahasa ketertiban kolonial bagi mengabsahkan kedudukan sendiri. Fokusnya ialah pada peminjaman cara legitimasi, bukannya semata-mata sikap moral watak.

Piracy, Empayar Dan Kriminalisasi Di Asia Tenggara

Perbahasan sejarah maritim mutakhir memberi konteks penting kepada analisis SBTP. Eklöf Amirell (2019) menunjukkan bahawa pembanterasan *"piracy"* merupakan salah satu unsur penting peluasan kolonial di Asia Tenggara pada abad ke-19 dan awal abad ke-20. Kategori *"piracy"* tidak pernah sepenuhnya neutral kerana ia berhubung dengan usaha negara dan empayar memonopoli bentuk keganasan yang dianggap sah di laut. Eklöf Amirell, Buchan dan Hägerdal (2021) turut menunjukkan bahawa perbezaan antara *piracy* dengan kekerasan maritim yang dibenarkan negara bergantung pada struktur kuasa dan sistem politik yang mempunyai kapasiti untuk mendefinisikan legaliti.

Analisis lebih baharu oleh Müller (2025) terhadap wacana kolonial mengenai komuniti maritim Asia Tenggara memperlihatkan bagaimana istilah *"piratical"* menjadi penanda politik dan undang-undang yang menyokong projek imperial. Perspektif ini tidak membuktikan bahawa setiap kegiatan merompak dalam SBTP ialah perjuangan antikolonial sebaliknya, ia mengingatkan bahawa label "lanun" perlu dianalisis sebagai

kategori yang mempunyai sejarah kekuasaan. Inilah asas yang membolehkan artikel membezakan antara dua soalan iaitu adakah Si Bongkok melakukan keganasan maritim, dan bagaimanakah keganasan itu dinamakan serta dimaknai oleh struktur kuasa dalam drama?

Literatur kontemporari tentang pasca kolonialiti dan dekolonialiti juga menekankan ketidakseimbangan kuasa dalam penghasilan dan peredaran ekspresi budaya (R'boul, 2022), manakala karya seni Asia Tenggara terus dibaca sebagai ruang yang dapat membayangkan semula wilayah serta sejarah di luar pemetaan kolonial (Gonzaga, 2024). Dalam kerangka ini, SBTP dapat dilihat sebagai bentuk *writing back* kearifan tempatan yang mengolah sejarah Johor melalui dramaturgi selepas kemerdekaan.

Kajian Lepas Tentang Shaharom Husain Dan SBTP

Lena Farida Hussain Chin (2019) menganalisis enam drama moden Malaysia melalui kerangka pascakolonial dan mengenal pasti isu rampasan barang dagangan, penyalahgunaan kuasa, penghinaan sosial serta unsur *hybridity* dan *mimicry* dalam SBTP. Kajian tersebut penting sebagai asas, tetapi sifat perbandingannya menyebabkan SBTP tidak dibangunkan sebagai satu kajian kes teoretis tersendiri. Artikel semasa berbeza dengan mengalihkan pusat analisis daripada inventori unsur pascakolonial kepada persoalan bagaimana sesuatu kategori politik, lanun, penderhaka dan pahlawan, dihasilkan melalui wacana kuasa.

Mana Sikana (2004, 2006) pula menempatkan Shaharom Husain dalam arus nasionalisme dan pascakolonialisme, tetapi membaca kekejaman Si Bongkok sebagai pemberontakan peribadi yang konvensional berasaskan dendam. Artikel ini tidak menolak motif peribadi tersebut. Sebaliknya, ia mencadangkan bahawa motif peribadi dan politik hadir serentak, dan ketidakmurnian motif itulah yang menjadikan watak Si Bongkok sesuai dibaca melalui konsep ambivalensi. Kebaharuan kajian terletak pada penolakan terhadap pilihan binari sama ada Si Bongkok sebagai penjenayah peribadi atau pahlawan nasional. Beliau ialah subjek dramatik yang kompleks, dan kategori yang digunakan untuk menamainya sendiri menjadi objek analisis.

Dengan itu, jurang penyelidikan dapat dirumuskan pada tiga peringkat melibatkan jurang empirikal, iaitu kekurangan analisis mendalam khusus terhadap SBTP; jurang konseptual, iaitu penggunaan *hybridity*, *mimicry* dan *subaltern* yang memerlukan ketepatan lebih tinggi; dan jurang historiografi, iaitu belum adanya dialog yang jelas antara SBTP dengan perbahasan mengenai pembentukan kolonial kategori *piracy* di Asia Tenggara.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan analisis tekstual interpretatif berasaskan pembacaan dekat *(close reading)* terhadap teks drama SBTP (Shaharom Husain, 1961). Pendekatan ini dipilih kerana tujuan kajian bukan mengukur kekerapan tema secara statistik, tetapi mentafsir hubungan antara bahasa, struktur dramatik, tindakan watak, simbol legitimasi dan konteks sejarah. Analisis dikontekstualisasikan melalui sumber sejarah dan historiografi kolonial bagi menilai keselarasan serta kebolehpercayaan konteks interpretasi, tanpa mendakwa bahawa konteks sejarah menghasilkan satu tafsiran tunggal yang objektif. Istilah teori

seperti *hybridity*, *mimicry*, *subaltern* dan *piracy* dikekalkan dalam bahasa Inggeris di sepanjang artikel ini kerana belum terdapat padanan bahasa Melayu yang sesuai dan diterima umum sebagai usaha mengekalkan ketepatan konseptualnya sebagaimana dibangunkan oleh Bhabha, Spivak dan sarjana kajian *piracy*.

Unit analisis kajian ini merangkumi dialog, arahan pentas, tindakan watak dan peristiwa dramatik yang dikenal pasti berdasarkan lima gugus analitik utama, iaitu legitimasi dan hegemoni, *hybridity* politik dan *mimicry* autoriti, kriminalisasi wacana, *Subalterniti* termedia serta ambivalensi kepahlawanan. Kesemua gugus analitik ini diselaraskan dengan lima dimensi analisis yang dikemukakan dalam Jadual 1. Proses analisis dimulakan dengan pembacaan menyeluruh terhadap teks bagi mengenal pasti konfigurasi konflik, hubungan antara watak serta kedudukan setiap watak dalam struktur kuasa yang dibentuk oleh naratif. Seterusnya, petikan signifikan yang merangkumi dialog dan arahan pentas dikenal pasti berdasarkan penggunaan label sosial seperti “lanun”, “penderhaka” dan “pahlawan”, di samping representasi pengagihan ganjaran dan hukuman serta penanda autoriti dan pengiktirafan kolonial. Petikan-petikan tersebut kemudiannya dibandingkan secara intratekstual bagi meneliti pola pembentukan dan pengagihan label, legitimasi, ganjaran, hukuman serta autoriti dalam keseluruhan teks. Dapatan daripada proses tersebut selanjutnya ditafsirkan melalui kerangka pascakolonial dengan mengambil kira konteks historiografi Johor dan sejarah maritim Asia Tenggara bagi menghasilkan pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap hubungan antara kuasa, legitimasi, penentangan dan pembentukan identiti dalam teks yang dikaji.Artikel ini membezakan secara jelas antara tiga temporal: (a) abad ke-19 sebagai latar dunia cerita; (b) 1961 sebagai saat Shaharom Husain menulis dan menerbitkan semula sejarah melalui drama dalam suasana pasca kemerdekaan; dan (c) pembacaan semasa sebagai interpretasi akademik terhadap teks. Pemisahan ini penting untuk mengelakkan anakronisme, khususnya apabila konsep pascakolonial digunakan untuk membaca peristiwa yang berlaku sebelum kemerdekaan tetapi diwakilkan melalui karya yang terhasil selepas kemerdekaan.

Dari segi ketekalan interpretasi, analisis menggunakan jejak hujah *(argument trail)*: setiap tuntutan utama dikaitkan dengan bukti dialog atau peristiwa drama, konsep teori yang relevan, dan apabila perlu, konteks sejarah yang menyokong kemunasabahan bacaan. Kajian tidak menggunakan *inter-coder reliability* kerana ia bukan reka bentuk analisis kandungan kuantitatif; sebaliknya, ketelusan dicapai melalui pendedahan prosedur interpretasi, pembentangan bukti tekstual dan pengakuan terhadap bacaan alternatif.

Batasan utama ialah kajian ini merupakan kajian kes tunggal dan bergantung kepada teks drama sebagai representasi, bukannya rekod langsung pengalaman sejarah Si Bongkok. Oleh itu, istilah "*subaltern*" digunakan pada tahap figurasi dramatik, bukan sebagai tuntutan bahawa artikel telah memulihkan suara sejarah yang autentik. Batasan ini menjadi asas kepada cadangan kajian masa depan yang membandingkan teks drama dengan arkib kolonial, sumber lisan dan historiografi tempatan.

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.02

JADUAL 1. Kerangka Analitik Kajian

Dimensi	Soalan Analitik	Konsep	Petunjuk Tekstual
Legitimasi	Siapa dianggap berhak memerintah dan mengapa?	Hegemoni	Perintah, ganjaran, bahasa keamanan, kesetiaan
Negosiasi kuasa	Bagaimana autoriti tempatan disusun semula melalui kolonialisme?	*Hybridity* / *mimicry*	Simbol kolonial, pengiktirafan, adaptasi bahasa kuasa
Kriminalisasi	Siapa menamakan sesuatu tindakan sebagai jenayah?	Wacana kolonial / *piracy*	Lanun, penderhaka, ancaman, keamanan
Representasi	Bagaimana suara yang terpinggir sampai kepada pembaca/penonton?	*Subalterniti*	Ucapan penentangan, mediasi dramatik, ketiadaan saluran rasmi
Ambivalensi	Bolehkah penentang menjadi mangsa dan pelaku kekerasan serentak?	Ambivalensi	Dendam, pembunuhan, penolakan kolonial, konflik moral

Konteks Drama Dan Sejarah Johor

Shaharom Husain (1919-2008) ialah penulis, guru dan budayawan yang banyak menghasilkan karya berasaskan sejarah (Shaharom Husain, 1996). Latar pendidikan serta pengalamannya dalam perubahan politik Tanah Melayu memberi konteks penting kepada kecenderungan beliau mengolah sejarah melalui bentuk dramatik. SBTP diterbitkan pada 1961, iaitu hanya beberapa tahun selepas kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Oleh itu, teks tersebut wajar dibaca bukan sebagai dokumen abad ke-19, tetapi sebagai rekonstruksi pasca kemerdekaan terhadap satu masa lampau kolonial.

Konflik sejarah yang dirujuk drama berkaitan perubahan struktur politik Johor pada pertengahan abad ke-19. Perjanjian 10 Mac 1855 antara Sultan Ali dan Temenggong Daeng Ibrahim memindahkan sebahagian besar hak pemerintahan Johor kepada Temenggong, sementara Sultan Ali mengekalkan Kesang/Muar serta gelaran Sultan. Penglibatan pentadbiran British dalam proses tersebut menjadikan peralihan kuasa ini sebahagian daripada konteks imperial yang lebih luas. Artikel ini, oleh itu, mengelakkan pernyataan simplistik bahawa Temenggong Ibrahim "merampas" takhta sebagai fakta sejarah objektif; sebaliknya, istilah "perampasan" digunakan apabila merujuk kepada perspektif dramatik Si Bongkok dan cara teks menilai legitimasi kuasa.

Dalam SBTP, konflik peribadi antara Si Bongkok, Panglima Putih, Daing Alek dan Tanjung bertindih dengan konflik yang lebih besar mengenai autoriti politik. Struktur dramatik ini penting: motif cinta dan dendam tidak membatalkan motif politik, sebaliknya menghasilkan subjek penentang yang tidak murni dan tidak mudah dimasukkan ke dalam kategori heroisme nasional.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini mempersembahkan dapatan analisis tekstual terhadap SBTP secara berperingkat, mengikut lima gugus analitik yang telah digariskan dalam metodologi: legitimasi dan hegemoni, *hybridity* politik dan *mimicry* autoriti, kriminalisasi wacana, *Subalterniti* termedia, serta ambivalensi kepahlawanan. Setiap subbahagian bermula

dengan bukti tekstual, diikuti tafsiran melalui kerangka teori yang relevan, dan seterusnya dikaitkan dengan historiografi kolonial serta perbahasan pascakolonial yang lebih luas. Pendekatan ini sengaja dibina secara kumulatif: dapatan pada subbahagian pertama menjadi asas kepada tafsiran subbahagian berikutnya, sehingga pada akhirnya membentuk satu rangkaian hujah yang padu tentang bagaimana kuasa penamaan beroperasi dalam SBTP. Perbincangan turut memberikan penekanan yang lebih mendalam berbanding dapatan awal, dengan menghubungkan pembacaan tekstual kepada khazanah teori kritikan sosial Melayu, khususnya kerja Syed Hussein Alatas tentang feudalisme dan mitos peribumi malas, serta pemikiran Fanon dan Memmi tentang psikologi hubungan penjajah-dijajah, bagi memperkukuh keupayaan penjelasan model yang dicadangkan.

Ketidakadilan Sosial Dan Penghasilan Hegemoni

SBTP membina perbezaan moral antara kuasa rasmi dengan penentang melalui pengagihan hukuman yang tidak seimbang. Datuk Timur memilih untuk mendiamkan tindakan Panglima Awang dan Panglima Pandak yang turut melakukan kegiatan menyamun, sedangkan Si Bongkok dihukum secara simbolik melalui label "lanun" dan "penderhaka". Ketidakseimbangan ini menunjukkan bahawa kategori jenayah tidak berfungsi secara autonomi daripada status sosial; ia bergantung pada kedudukan seseorang dalam rangkaian kuasa.

> "Datuk Timur bersifat pohon rendang sebelah, limau manis di atas masam di bawah, terkena saudara dan puak sendiri, Panglima Awang dan Panglima Pandak menyamun bermaharajalela di Pancor dan Kuala Sedili, Datuk mendiamkan diri."
>
> (Shaharom Husain, 1961:27)

Petikan ini penting bukan sekadar sebagai bukti pilih kasih, tetapi sebagai detik ketika Si Bongkok menamakan hipokrasi sistem. Hegemoni di sini tidak muncul sebagai penerimaan pasif terhadap British semata-mata; ia berfungsi melalui elit tempatan yang menentukan keganasan siapa dapat dimaafkan dan keganasan siapa harus dinamakan sebagai ancaman. Dalam istilah Gramsci, dominasi menjadi stabil apabila ketertiban tertentu dipersembahkan sebagai normal dan sah.

Perlu ditegaskan bahawa metafora "pohon rendang sebelah" dan "limau manis di atas masam di bawah" bukan sekadar hiasan retorik. Metafora sedemikian berfungsi sebagai bentuk kritikan rakyat terhadap struktur ketuanan yang tidak saksama, satu cara bahasa awam mendedahkan jurang antara wacana keadilan yang diucapkan oleh pemerintah dengan amalan sebenar pentadbiran. Dalam pengertian Gramscian, hegemoni bukan sistem represif semata-mata, tetapi satu proses pembentukan "akal budi bersama" *(common sense)* yang membolehkan sesuatu susunan kuasa dilihat sebagai wajar walaupun ia tidak saksama. Apabila Datuk Timur mendiamkan kesalahan panglima tertentu, tindakan itu bukan sekadar kegagalan individu untuk bertindak adil. Sebaliknya, ia mencerminkan logik sistemik yang melindungi mereka yang berada dalam lingkungan kesetiaan rapat kepada struktur pemerintahan, sambil mendedahkan mereka yang berada di luar lingkaran itu kepada risiko dikriminalisasikan.

Analisis ini boleh dikukuhkan lagi dengan merujuk kepada kritikan Syed Hussein Alatas (1972) tentang feudalisme dalam masyarakat Melayu, yang menghujahkan bahawa struktur ketuanan tradisional sering mewujudkan sistem ganjaran dan hukuman yang tidak berasaskan prinsip keadilan sejagat, tetapi berasaskan kesetiaan peribadi dan kedudukan dalam hierarki. Dibaca bersama teks SBTP, tafsiran ini memperlihatkan bahawa kolonialisme tidak semestinya mencipta ketidakadilan struktural dari kosong; sebaliknya, ia sering menumpang serta memperkukuh mekanisme feudal sedia ada, menjadikan sistem ganda ketidakadilan, iaitu ketidakadilan feudal tempatan yang diperkukuh oleh keperluan legitimasi kolonial. Si Bongkok, dalam erti ini, menjadi mangsa dua lapisan kuasa yang saling menyokong: struktur ketuanan tempatan yang telah lama wujud, dan struktur kolonial baharu yang memberi ganjaran kepada pembesar yang patuh.

Penghinaan terhadap tubuh Si Bongkok menambahkan lapisan marginalisasi. Tanjung mengaitkan kecacatan fizikal dengan kekurangan moral melalui ungkapan "tak cukup sifat" dan "hati penuh khianat" (Shaharom Husain, 1961, hlm. 20). Artikel ini tidak mendakwa bahawa stigma kecacatan berasal secara langsung daripada kolonialisme. Sebaliknya, ia menunjukkan bahawa tubuh yang telah distigmakan secara sosial lebih mudah ditempatkan di luar komuniti moral yang berhak mendapat pendengaran. Pembacaan ini diperkukuh oleh pemikiran Fanon (1963) tentang tubuh terjajah, iaitu bagaimana kolonialisme turut beroperasi melalui skema tubuh yang menandakan fizikal yang dianggap menyimpang sebagai tanda ketidaksempurnaan moral dan politik, serta pemerhatian Memmi (1991) bahawa hubungan penjajah-dijajah sentiasa memerlukan imej pihak dijajah yang cacat atau berkurangan bagi mengesahkan hierarki kuasa sedia ada. Kecacatan fizikal Si Bongkok, walaupun bukan hasil langsung penjajahan, beroperasi mengikut logik yang selari: tubuh yang telah dianggap tidak sempurna menjadi tapak yang mudah untuk meletakkan seseorang di luar sempadan subjek yang layak didengar. Dengan demikian, *Subalterniti* Si Bongkok terbentuk melalui persilangan status, tubuh, autoriti dan kriminalisasi.

Selain itu, hubungan antara Tanjung dan Si Bongkok tidak boleh dibaca semata-mata sebagai konflik cinta peribadi. Penolakan Tanjung terhadap Si Bongkok, yang disandarkan pada alasan kecacatan fizikal dan tuduhan "hati penuh khianat", turut mencerminkan bagaimana ruang domestik dan ruang politik saling berkait dalam drama ini. Tanjung, sebagai watak yang dikaitkan dengan pembesar dan struktur ketertiban, secara tidak langsung menjadi wakil bagi nilai yang disokong oleh autoriti dominan. Penolakannya terhadap Si Bongkok bukan sekadar penolakan peribadi, tetapi turut menggemakan penolakan struktur sosial yang lebih besar terhadap kehadiran Si Bongkok sebagai subjek yang layak. Pembacaan ini menyerlahkan bagaimana hegemoni beroperasi bukan sahaja pada tahap institusi formal seperti perintah Temenggung, tetapi juga pada tahap hubungan peribadi dan afektif, di mana nilai moral yang menyokong struktur kuasa disebarkan melalui penilaian sehari-hari terhadap kelayakan seseorang untuk dicintai, dihormati atau didengar.

Justeru, gugusan pertama dapatan ini menunjukkan bahawa hegemoni dalam SBTP tidak beroperasi secara tunggal melalui institusi pemerintahan formal, tetapi tersebar merentasi pelbagai laman: bahasa perundangan pembesar, ungkapan sindiran rakyat, penilaian moral terhadap tubuh, dan penolakan afektif dalam hubungan peribadi. Kesemua laman ini saling memperkukuh satu sama lain untuk menghasilkan satu keadaan di mana

kedudukan Si Bongkok sebagai subjek yang tidak layak dipercayai kelihatan sebagai sesuatu yang "semula jadi", walhal ia sebenarnya dihasilkan melalui rangkaian kuasa yang kompleks. Kepelbagaian laman hegemoni ini juga menjelaskan mengapa penentangan tunggal terhadap satu bentuk kuasa, misalnya, penolakan Si Bongkok terhadap arahan Temenggung, tidak mencukupi untuk mengubah kedudukannya dalam struktur sosial secara keseluruhan. Oleh kerana hegemoni tersebar dan berlapis, penentangan yang berkesan memerlukan gangguan serentak terhadap pelbagai laman tersebut, sesuatu yang berada di luar kemampuan seorang watak individu seperti Si Bongkok dalam struktur dramatik SBTP.

Ekonomi Maritim Dan Politik Kriminalisasi

Tindakan Si Bongkok merampas kapal dagang tidak boleh diputihkan sebagai tindakan heroik secara automatik. Ia tetap merupakan bentuk keganasan maritim yang mengakibatkan kerugian dan ancaman terhadap pedagang. Namun, persoalan kritikal artikel ini ialah bagaimana tindakan tersebut dimasukkan ke dalam bahasa "lanun" dalam ruang politik yang sedang mengalami pengukuhan autoriti kolonial.

Historiografi maritim Asia Tenggara menunjukkan bahawa usaha membanteras *piracy* sering bertindih dengan peluasan kuasa imperial dan usaha mengawal perdagangan serta mobiliti laut (Eklöf Amirell, 2019). Ini menjadikan label "lanun" secara sejarah bersifat politikal: ia membezakan bentuk kekerasan yang mendapat lesen negara daripada kekerasan yang mencabar kedaulatan negara atau empayar. Maka, dalam SBTP, tindakan merompak harus dibaca pada dua aras serentak, sebagai keganasan yang mempunyai mangsa, dan sebagai tindakan yang maknanya ditentukan oleh perebutan kedaulatan.

Perkara ini boleh diperhalusi lagi dengan meninjau konteks ekonomi maritim Johor dan Selat Melaka pada abad ke-19, sebuah kawasan yang menyaksikan peningkatan mendadak dalam kepentingan dagang British berikutan penubuhan Singapura sebagai pelabuhan bebas pada 1819 dan pengukuhan pentadbiran Temenggung Johor selepas Perjanjian 1855 (Abdul Latip Talib, 2007). Dalam konteks ekonomi ini, kestabilan jalan perdagangan menjadi kepentingan bersama antara kuasa kolonial British dan pembesar tempatan yang menikmati faedah daripada cukai serta hubungan dagang. Sebarang gangguan terhadap laluan dagang, tidak kira sama ada bermotifkan ekonomi, politik atau peribadi, berpotensi ditafsirkan sebagai ancaman kepada kepentingan bersama tersebut, lalu memudahkan proses pengkategorian pelakunya sebagai "lanun" tanpa mengambil kira konteks politik yang lebih luas.

> DATUK TIMUR: "Ingat Bongkok perintah dari Teluk Belanga, Temenggung Ibrahim Yang Maha Mulia, pemerintah Johor negara bahagia, hapuskan segera lanun bermaharajalela." SI BONGKOK: "Tak siapa boleh memerintah aku, kerana Kompeni terpaksa mengubah laku? Tidak, tidak... hina diperintah orang, walau Kompeni, kau, datuk dan siapa menghalang, tetap ku tentang."
>
> (Shaharom Husain, 1961:16)

Dialog tersebut memperlihatkan bahawa penentangan Si Bongkok mempunyai sasaran yang melebihi dendam terhadap individu. Kata "Kompeni" meletakkan struktur kolonial sebagai salah satu sumber autoriti yang ditolak. Pada masa yang sama, kewujudan motif dendam tidak boleh dihapuskan. Bacaan yang lebih kukuh ialah bahawa SBTP mempertemukan motif peribadi dengan krisis legitimasi politik. Ambivalensi inilah yang membezakan figurasi *subaltern* daripada naratif pahlawan nasional yang steril.

Penting untuk diperhatikan struktur retorik dialog ini. Datuk Timur membina hujahnya melalui susunan autoriti yang berlapis-lapis: Temenggung Ibrahim sebagai sumber perintah, "negara bahagia" sebagai justifikasi ketertiban, dan "lanun bermaharajalela" sebagai kategori yang mesti "dihapuskan segera". Struktur bahasa ini adalah struktur bahasa undang-undang dan pentadbiran, bahasa yang mengandaikan kewibawaan tidak dipersoalkan. Sebaliknya, balasan Si Bongkok menolak keseluruhan premis autoriti tersebut, bukan sekadar menolak arahan tertentu. Frasa "tak siapa boleh memerintah aku" dan penyebutan eksplisit "walau Kompeni, kau, datuk" menunjukkan bahawa penolakan Si Bongkok bersifat menyeluruh terhadap keseluruhan rangkaian kuasa, daripada Kompeni Inggeris sehinggalah kepada pembesar tempatan yang menjadi perantara kuasa tersebut. Ini mencadangkan bahawa Si Bongkok, pada tahap retorik sekurang-kurangnya, memahami bahawa autoriti Datuk Timur dan Temenggung tidak lagi berdiri secara berasingan daripada kepentingan kolonial, sebaliknya telah menjadi sebahagian daripada rangkaian kuasa yang sama.

Dalam kerangka ini, "perlanunan sebagai wacana penentangan" tidak bermaksud semua rompakan menjadi antikolonial. Istilah tersebut merujuk kepada situasi apabila tindakan maritim yang ganas memperoleh makna politik kerana ia diarahkan terhadap rangkaian dagang dan autoriti yang diasosiasikan dengan kuasa kolonial. Perbezaan ini penting untuk mengelakkan romantisasi.

Analisis lebih baharu oleh Müller (2025) terhadap wacana kolonial mengenai komuniti maritim Asia Tenggara turut relevan di sini kerana ia menunjukkan bagaimana istilah "piratical" bukan sahaja digunakan terhadap individu yang jelas melakukan rompakan bersenjata, tetapi turut dilanjutkan kepada komuniti pesisir dan orang laut yang cara hidup mereka, termasuk mobiliti tinggi merentasi sempadan wilayah yang belum jelas ditakrifkan, dianggap mengganggu usaha kolonial untuk mewujudkan sempadan, cukai dan kawalan yang jelas. Pembacaan ini membolehkan kita melihat bahawa kriminalisasi Si Bongkok dalam SBTP bukanlah kes terpencil, tetapi selaras dengan pola wacana kolonial yang lebih luas: sesiapa sahaja yang aktivitinya mengancam kestabilan ekonomi kolonial berpotensi dilabel sebagai "lanun", tanpa mengira sama ada tindakannya didorong oleh kepentingan ekonomi semata-mata, dendam peribadi, atau penolakan politik terhadap struktur kekuasaan baharu.

Eklöf Amirell, Buchan dan Hägerdal (2021) turut menghujahkan bahawa *piracy* sebagai kategori undang-undang antarabangsa sentiasa memerlukan kuasa berdaulat yang cukup kukuh untuk mentakrifkan sempadan antara "kekerasan sah" dan "kekerasan tidak sah" di lautan. Sebelum kedatangan kuasa kolonial yang mempunyai kapasiti pentadbiran dan ketenteraan yang mantap, banyak aktiviti maritim di Asia Tenggara dianggap sah dalam sistem politik maritim tradisional, termasuk kutipan cukai oleh pembesar tempatan terhadap kapal yang melalui wilayah kekuasaan mereka. Aktiviti sedemikian berpotensi ditafsirkan semula sebagai *"piracy"* apabila dinilai melalui kerangka undang-undang

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.02

antarabangsa yang diperkenalkan oleh kuasa Eropah. Justeru, kategori "lanun" dalam SBTP wajar dibaca bukan sebagai deskripsi objektif terhadap sifat tindakan Si Bongkok, tetapi sebagai hasil daripada peralihan rangka rujukan undang-undang dan politik yang berlaku serentak dengan peluasan kolonial di rantau ini.

Dalam pengertian ini, ekonomi maritim dan politik kriminalisasi tidak dapat dipisahkan. Kepentingan ekonomi kolonial, kestabilan laluan dagang, kutipan cukai yang teratur, dan jaminan keselamatan pelayaran, menuntut kewujudan kategori "lanun" sebagai objek yang perlu "dihapuskan" atau "diamankan". Kewujudan kategori ini pula memerlukan mekanisme penamaan yang membolehkan sesetengah pihak (seperti Panglima Awang dan Panglima Pandak yang didiamkan tindakannya) terkecuali daripada label tersebut, sementara pihak lain (seperti Si Bongkok) dijadikan contoh awam bagi menunjukkan keberkesanan sistem ketertiban baharu.

Hybridity Politik: Autoriti Tradisional Dalam Ruang Kolonial

Hybridity politik dalam SBTP paling jelas apabila simbol dan legitimasi kolonial diserap ke dalam upacara serta struktur pengiktirafan pembesar tempatan. Contoh utama ialah perayaan kurniaan pedang daripada Queen Inggeris yang digabungkan dengan majlis sosial pembesar. Simbol tersebut bukan sekadar tanda "kesetiaan kepada Barat"; ia menunjukkan bahawa nilai autoriti tempatan sedang diartikulasikan melalui sumber pengiktirafan yang datang daripada empayar.

Dalam pengertian Bhabha, ruang hibrid muncul apabila autoriti tidak lagi dapat dirujukkan kepada satu sumber yang tulen. Pembesar masih menggunakan gelaran, hierarki dan adat Melayu, tetapi keberkesanan kuasa mereka turut bergantung pada jaringan kolonial. Maka mereka bukan sepenuhnya "British" dan bukan pula beroperasi dalam ruang politik Melayu yang bebas daripada kolonialisme. Konfigurasi yang tidak tulen inilah yang dimaksudkan sebagai *hybridity* politik dalam kajian ini.

Perayaan kurniaan pedang wajar dihuraikan dengan lebih terperinci kerana ia berfungsi sebagai satu bentuk "upacara peralihan legitimasi" *(rite of legitimation transfer)* dalam istilah antropologi politik. Sebelum kedatangan sistem pengiktirafan kolonial, legitimasi pembesar Melayu tradisional lazimnya diperoleh melalui salasilah keturunan, pengiktirafan daripada institusi kesultanan, serta konsensus golongan bangsawan dan rakyat dalam sistem adat. Apabila pengiktirafan turut disandarkan kepada simbol seperti pedang kurniaan Queen Inggeris, satu lapisan legitimasi baharu ditambah kepada struktur sedia ada, bukan menggantikannya secara total, tetapi bercantum dengannya. Percantuman inilah yang, dalam kerangka Bhabha, menghasilkan "ruang ketiga" yakni satu ruang di mana autoriti tidak lagi dapat difahami secara tulen sama ada sebagai "adat Melayu" semata-mata atau "pentadbiran kolonial" semata-mata, tetapi sebagai gabungan kedua-duanya yang saling bergantung dan saling mengesahkan.

Pembacaan ini juga memperbaiki kelemahan pendekatan yang menyamakan *hybridity* dengan pengkhianatan. *Hybridity* tidak semestinya negatif dan tidak semestinya bukti penyerahan diri. Dalam SBTP, masalah etika timbul apabila ruang hibrid tersebut digunakan untuk mengekalkan hierarki dan menyekat suara yang mencabar legitimasi kuasa.

Perlu ditegaskan bahawa pembacaan *hybridity* politik ini berbeza secara asas daripada pembacaan konvensional yang melihat pembesar seperti Datuk Timur sebagai "boneka" atau "ejen" British semata-mata. Tafsiran "boneka" mengandaikan bahawa pembesar tempatan tidak mempunyai agensi sendiri dan hanya melaksanakan kehendak kolonial secara pasif. Sebaliknya, kerangka *hybridity* Bhabha membolehkan kita melihat bahawa pembesar tempatan aktif menggunakan sumber kolonial untuk mengukuhkan kedudukan mereka dalam struktur kuasa tempatan yang sedia ada, mereka bukan semata-mata dikuasai oleh British, tetapi turut menggunakan hubungan dengan British sebagai modal politik dalam persaingan kuasa sesama elit tempatan sendiri. Ini selaras dengan pemerhatian Syed Hussein Alatas (1977) tentang bagaimana golongan elit tempatan dalam sistem kolonial sering memainkan peranan aktif, bukan pasif, dalam mengekalkan struktur kuasa yang menguntungkan mereka, walaupun struktur tersebut turut menguntungkan kepentingan kolonial secara keseluruhan.

Dalam erti ini, *hybridity* politik dalam SBTP bukan sekadar fenomena budaya atau estetik, tetapi satu strategi kekuasaan yang mempunyai kesan ekonomi dan politik yang nyata. Pembesar yang berjaya menggabungkan legitimasi adat dengan pengiktirafan kolonial memperoleh kelebihan berbanding pembesar lain yang tidak mempunyai hubungan sedemikian, satu dinamik yang turut menjelaskan mengapa Datuk Timur mempunyai kuasa untuk mendiamkan kesalahan panglima tertentu sambil mengkriminalisasikan Si Bongkok. Kuasa mendiamkan dan menghukum ini bukan kuasa tradisional semata-mata, tetapi kuasa hibrid yang diperkukuh oleh sokongan tersirat daripada struktur kolonial yang lebih besar.

Turut penting untuk diperhatikan ialah bagaimana ruang hibrid ini menghasilkan kerentanan bagi pembesar tempatan itu sendiri. Oleh kerana legitimasi mereka kini bergantung sebahagiannya kepada pengiktirafan luar, sebarang perubahan dalam dasar atau kepentingan kolonial berpotensi menjejaskan kedudukan mereka. Ruang hibrid, walaupun memberi kelebihan dalam jangka pendek, turut mewujudkan pergantungan struktural yang boleh dieksploitasi oleh pihak kolonial pada bila-bila masa. Ambivalensi inilah yang menjadikan konsep *hybridity* Bhabha lebih tepat berbanding tafsiran mudah "pengkhianatan", kerana ia mengiktiraf bahawa pembesar tempatan berada dalam kedudukan yang serentak berkuasa dan terdedah, mengukuhkan diri melalui hubungan kolonial sementara turut bergantung kepadanya.

Mimicry: Adaptasi Bahasa Ketertiban Dan Autoriti

Mimicry dalam SBTP tidak ditemui terutama pada "berpura-pura baik" Datuk Timur, tetapi pada adaptasi bentuk bahasa dan simbol ketertiban kolonial. Pembesar menyampaikan kekuasaan melalui idea keamanan, penghapusan lanun, kerjasama dengan Kompeni dan pengiktirafan kuasa luar. Mereka meminjam tatabahasa legitimasi empayar sambil tetap menampilkan diri sebagai autoriti tempatan.

> "Sekarang Kompeni Inggeris berkuasa di Singapura, bersahabat bekerjasama dengan Yang Maha Mulia, untuk menghapus mengamankan lanun bermaharajalela."
>
> (Shaharom Husain, 1961:16)

Petikan ini memperlihatkan peminjaman logik orde kolonial di mana kuasa dikaitkan dengan tugas mengamankan ruang maritim daripada kategori yang telah ditetapkan sebagai ancaman. *Mimicry* di sini bersifat institusional dan diskursif, bukannya psikologi semata-mata. Namun, seperti yang ditekankan Bhabha, peniruan tidak pernah lengkap. Pembesar masih beroperasi melalui bentuk sosial tempatan, lalu menghasilkan autoriti yang "hampir" menyerupai rasionaliti kolonial tetapi tetap bercampur dengan struktur tradisional.

Analisis lanjut terhadap petikan ini memperlihatkan struktur ayat yang menarik: "bersahabat bekerjasama dengan Yang Maha Mulia" meletakkan hubungan Kompeni dengan Temenggung sebagai hubungan setara ("bersahabat"), sedangkan realiti sejarah kuasa kolonial pada masa tersebut jauh lebih tidak seimbang. Penggunaan bahasa "persahabatan" dan "kerjasama" ini sendiri adalah satu bentuk *mimicry* diskursif, peminjaman retorik diplomatik kolonial yang menutupi ketidakseimbangan kuasa sebenar dengan bahasa kesetaraan. Pembesar tempatan, dengan mengulangi retorik ini dalam pertuturan mereka sendiri, turut serta dalam menghasilkan ilusi kesetaraan yang menutupi struktur dominasi yang sebenar.

Ambivalensi *mimicry* membantu menjelaskan paradoks SBTP di mana elit tempatan memperoleh kekuatan melalui kedekatan dengan kuasa kolonial, tetapi pada masa yang sama kedekatan tersebut membuka ruang kepada Si Bongkok untuk mempertikaikan keaslian dan moraliti autoriti mereka.

Konsep *mimicry* Bhabha yang terkenal, "hampir sama tetapi tidak sepenuhnya" *(almost the same, but not quite),* membawa implikasi penting yang jarang diberi perhatian secukupnya dalam kajian sastera Melayu. *Mimicry* bukan sahaja fenomena yang dilihat oleh pemerhati luar (seperti pembaca atau penonton drama), tetapi turut menghasilkan kegelisahan dalaman bagi pihak yang meniru. Apabila pembesar tempatan mengadaptasi bahasa "keamanan" dan "ketertiban" kolonial, mereka secara serentak mengiktiraf autoriti kolonial sebagai sumber rujukan yang sah, sambil cuba mengekalkan kedudukan mereka sendiri sebagai pemerintah yang berautoriti. Percanggahan ini, antara pengiktirafan autoriti luar dan tuntutan autoriti sendiri, menghasilkan satu bentuk ironi struktural dalam watak Datuk Timur dan golongan pembesar. Semakin kukuh mereka bergantung kepada bahasa dan simbol kolonial untuk mengesahkan kekuasaan mereka, semakin nyata kelihatan bahawa autoriti "asli" atau "tulen" mereka sebagai pemerintah tempatan telah mula terhakis.

Ironi struktural inilah yang secara tidak langsung, membuka ruang kritikal bagi Si Bongkok. Oleh kerana bahasa yang digunakan oleh Datuk Timur untuk mengesahkan kekuasaannya sendiri jelas dipinjam daripada logik kolonial, tuduhan Si Bongkok bahawa pembesar tempatan telah "diperintah oleh Kompeni" turut memperoleh kredibiliti retorik. Ini bukan kerana Si Bongkok mendedahkan sesuatu yang tersembunyi, tetapi kerana *mimicry* itu sendiri, walaupun cuba menampilkan diri sebagai autoriti tulen, namun tidak dapat menyembunyikan sepenuhnya sumber peminjamannya. Dalam pengertian ini, *mimicry* bukan sahaja strategi kekuasaan bagi pembesar tempatan, tetapi turut menjadi titik kelemahan yang boleh dieksploitasi secara diskursif oleh penentang seperti Si Bongkok.

Penting juga untuk membezakan *mimicry* dalam SBTP daripada konsep "menjadi Barat" *(Westernisation)* yang lebih mudah. Pembesar dalam drama ini tidak menanggalkan pakaian, gelaran atau bahasa Melayu untuk menyerupai orang British secara literal.

Sebaliknya, *mimicry* di sini beroperasi pada tahap struktur wacana, cara berhujah, cara mengesahkan tindakan, cara membenarkan hukuman, dan bukan pada tahap penampilan luaran semata-mata. Pembezaan ini penting kerana ia menjauhkan analisis daripada tafsiran yang cetek tentang "pengaruh Barat" dan menggantikannya dengan tafsiran yang lebih tepat tentang bagaimana rasionaliti kolonial menyerap ke dalam cara berfikir dan berhujah elit tempatan tanpa mengubah identiti budaya luaran mereka secara ketara.

Si Bongkok Sebagai Figurasi *Subaltern* Yang Termedia

Aspek penting dalam analisis ini ialah persoalan *subalterniti*. Dengan menerapkan pemikiran Spivak secara kritis dan berhati-hati, artikel ini tidak meletakkan Si Bongkok sebagai *subaltern* klasik yang suaranya dapat dipulihkan atau direpresentasikan secara langsung dan telus. Sebaliknya, Si Bongkok perlu difahami sebagai watak yang dibentuk melalui penulisan Shaharom Husain pada tahun 1961. Oleh itu, suara Si Bongkok bukanlah suara sejarah yang hadir secara langsung, tetapi suara yang telah melalui proses mediasi menerusi teks, struktur dramaturgi, bahasa pengarang dan imaginasi pasca kemerdekaan. Kedudukan ini memperlihatkan bahawa representasi Si Bongkok tidak dapat dipisahkan daripada konteks kepengarangan dan proses pembentukan makna yang berlaku selepas berakhirnya pemerintahan kolonial.

Walaupun demikian, figurasi Si Bongkok tetap signifikan dalam membincangkan persoalan *subaltern* kerana kedudukannya berada di luar saluran legitimasi rasmi. Si Bongkok tidak memiliki akses kepada institusi atau struktur kuasa yang membolehkannya mengemukakan tuntutan berkaitan peralihan kuasa dan campur tangan asing sebagai suatu tuntutan politik yang sah. Sebaliknya, tindakan dan penentangannya ditafsirkan melalui kategori yang telah dibentuk oleh wacana dominan dengan melabelkannya sebagai “lanun”, “pengacau” dan “penderhaka”. Dalam konteks ini, kriminalisasi berfungsi sebagai suatu bentuk penghapusan epistemik yang menyebabkan suara kelompok yang ditentang tidak sepenuhnya dihilangkan, tetapi kewujudannya hanya dapat didengar setelah diterjemahkan dan dibingkaikan melalui bahasa jenayah. Keadaan ini memperlihatkan bagaimana struktur kuasa bukan sahaja menentukan pihak yang berhak bersuara, malah turut menentukan kerangka bahasa yang digunakan untuk mentafsir dan memberikan makna terhadap suara penentangan. Guha (1982), dalam kerja awal kajian *subaltern* terhadap historiografi kolonial India, menghujahkan bahawa historiografi elit, sama ada elit kolonial mahupun elit nasionalis, cenderung membaca tindakan penentangan rakyat biasa semata-mata melalui kerangka yang telah disediakan oleh kuasa dominan: sebagai "jenayah", "kekacauan" atau "gangguan ketenteraman", bukan sebagai tindakan politik yang mempunyai kesedaran dan tujuan tersendiri. Pemerhatian Guha ini amat relevan kepada bacaan SBTP kerana ia menunjukkan bahawa masalah yang dihadapi oleh Si Bongkok bukan unik kepada drama ini sahaja, tetapi mencerminkan pola yang lebih luas dalam historiografi kolonial serantau: penentangan rakyat biasa dan golongan pinggiran sering hilang daripada rekod sejarah rasmi kerana ia hanya direkodkan melalui kerangka jenayah yang digunakan oleh pihak yang berkuasa untuk mendokumentasikannya.

Spivak (1988) mengingatkan bahawa masalah "bersuara" bukan ketiadaan bunyi literal, tetapi kegagalan struktur dominan mengiktiraf sesuatu ucapan sebagai pengetahuan atau tuntutan politik yang sah. SBTP mendramatisasikan keadaan tersebut. Si Bongkok

banyak bercakap, tetapi pihak berkuasa tidak menerima ucapannya sebagai asas perdebatan legitimasi; ia dibaca sebagai bukti ancaman. Perkara ini boleh dihuraikan dengan lebih lanjut melalui pembezaan antara "bersuara" *(speaking)* dan "didengar sebagai subjek politik" *(being heard as a political subject)* yang menjadi teras hujah Spivak. Dalam SBTP, Si Bongkok jelas mempunyai dialog yang panjang, penuh emosi dan kadangkala bersifat hujah politik yang tersusun, sebagaimana ditunjukkan dalam petikan "tak siapa boleh memerintah aku". Dari sudut kuantiti pertuturan, Si Bongkok bukanlah watak yang senyap. Namun, masalah *subalterniti* yang dihujahkan Spivak bukan tentang kuantiti pertuturan, tetapi tentang struktur pendengaran *(structure of listening)*. Adakah pihak berkuasa dalam dunia drama SBTP seperti Datuk Timur dan Temenggung atau struktur kolonial yang diwakilinya mendengar ucapan Si Bongkok sebagai hujah politik yang perlu dipertimbangkan, ataupun semata-mata sebagai bukti tambahan untuk mengesahkan label "penderhaka" yang telah pun ditetapkan terlebih dahulu?

Jawapan tekstual kepada persoalan ini jelas di mana setiap kali Si Bongkok bersuara menentang autoriti Temenggung atau Kompeni, respons pihak berkuasa bukan untuk berhujah balas dengan mempertimbangkan kandungan tuntutannya, tetapi untuk mengulangi arahan supaya beliau "dihapuskan" atau "diamankan". Struktur responsif ini, di mana ucapan penentangan sentiasa dijawab dengan bahasa penguatkuasaan dan bukan bahasa perundingan, adalah bukti tekstual yang paling kukuh bagi menyokong tafsiran *subalterniti* dalam pengertian Spivak. Si Bongkok bercakap, tetapi dalam struktur wacana drama, ucapannya tidak pernah memasuki ruang perbahasan politik yang sah; ia sentiasa telah dikategorikan terlebih dahulu sebagai ancaman sebelum kandungannya sempat dipertimbangkan.

Pembacaan ini memperhalus sumbangan kajian terdahulu kerana ia mengubah fokus daripada "Si Bongkok ialah *subaltern*" kepada "bagaimanakah teks memperlihatkan proses seseorang dijadikan *subaltern* melalui kegagalan pengiktirafan dan kriminalisasi?" Peralihan ini lebih selaras dengan masalah representasi dalam teori Spivak. Sebagai contoh, Lena Farida Hussain Chin (2020) dalam kajian terdahulu terhadap drama Jalan Sekerat Pulau Pinang turut mengenal pasti pola krisis identiti dan ambivalensi yang serupa dalam karya Ghulam Sarwar Yousof, menunjukkan bahawa fenomena *subalterniti* termedia dan ambivalensi kepahlawanan bukan unik kepada SBTP sahaja, tetapi merupakan corak yang lebih luas dalam drama sejarah Melayu pasca kemerdekaan yang cuba menangani warisan kolonial melalui watak-watak yang berada di sempadan antara kategori jenayah dan kepahlawanan.

Penderhaka/Pahlawan Sebagai Binari Yang Tidak Stabil

Jika artikel berhenti pada kesimpulan bahawa Si Bongkok sebenarnya seorang pahlawan, ia hanya akan menggantikan satu label mutlak dengan label mutlak yang lain. SBTP lebih produktif dibaca sebagai teks yang merosakkan kestabilan kedua-dua kategori. Si Bongkok menentang kuasa asing dan ketidakadilan elit, tetapi beliau juga membunuh Daing Alek dan mengancam Tanjung. Kekerasannya tidak boleh dipadamkan atas nama nasionalisme. Sebaliknya, Panglima Putih dan pembesar tempatan mewakili "ketertiban" dan struktur yang diiktiraf, tetapi ketertiban tersebut diperlihatkan sebagai tidak konsisten dari segi keadilan dan bergantung pada pengiktirafan kuasa luar. Oleh itu, teks menghasilkan

pembalikan moral: yang sah tidak semestinya adil, dan yang dikriminalisasikan tidak semestinya tidak mempunyai tuntutan politik.

Ambivalensi ini ialah sumbangan teoretis utama artikel. Ia menunjukkan bahawa kepahlawanan pascakolonial tidak semestinya lahir daripada kesucian moral tokoh, tetapi daripada konflik antara tindakan, niat, struktur kuasa dan rejim penamaan. Dengan kata lain, soalan "penderhaka atau pahlawan?" tidak berakhir dengan memilih satu jawapan namun ini mendedahkan bahawa kuasa untuk menetapkan pilihan tersebut merupakan sebahagian daripada politik kolonial. Dalam pengertian ini, ketidakstabilan binari penderhaka/pahlawan dalam SBTP bukan kelemahan struktur naratif drama, tetapi justeru merupakan pencapaian estetik dan etika yang penting. Ia menolak untuk memberikan jawapan moral yang selesa kepada penonton atau pembaca, dan sebaliknya memaksa mereka untuk terus mempersoalkan asas kepada kategori "jenayah" dan "kepahlawanan" itu sendiri, satu strategi naratif yang selari dengan tujuan kritikal pascakolonial untuk mendedahkan sifat konstruktif (bukan semula jadi) bagi kategori-kategori yang sering dianggap sebagai fakta objektif.

SINTESIS: MODEL KRIMINALISASI DAN AMBIVALENSI *SUBALTERN*

Berdasarkan keseluruhan dapatan, artikel mencadangkan model pembacaan lima tahap. Pertama, persekutuan kuasa kolonial dan elit tempatan menghasilkan satu rejim legitimasi yang menentukan siapa memiliki autoriti. Kedua, rejim tersebut disokong melalui *hybridity* politik dan *mimicry* autoriti, apabila bentuk tradisional digabungkan dengan pengiktirafan serta bahasa ketertiban kolonial. Ketiga, tindakan yang mencabar rejim itu diklasifikasikan melalui kategori kriminal seperti "lanun" dan "penderhaka". Keempat, subjek penentang menjadi *subaltern* bukan kerana tidak berkata-kata, tetapi kerana ucapannya tidak diterima sebagai tuntutan politik yang sah. Kelima, teks dramatik pasca kemerdekaan membuka semula ruang representasi, tetapi suara yang dipulihkan itu tetap bersifat termedia dan ambivalen.

Model ini membolehkan SBTP diletakkan dalam wacana yang lebih luas tentang pembentukan kolonial kategori *piracy* di Asia Tenggara. Historiografi mutakhir menunjukkan bahawa pembanterasan *piracy* mempunyai hubungan rapat dengan konsolidasi negara kolonial dan kawalan maritim (Eklöf Amirell, 2019; Eklöf Amirell et al., 2021; Müller, 2025). SBTP tidak boleh digunakan sebagai bukti sejarah langsung bagi tesis historiografi tersebut, sebaliknya memperlihatkan bagaimana logik yang sama dapat berfungsi sebagai imaginasi politik dengan label jenayah menjadi alat yang mengatur siapa yang boleh diakui sebagai subjek politik.

Pada peringkat sastera, drama ini juga boleh difahami sebagai bentuk *writing back.* Shaharom Husain menulis pada 1961, ketika naratif kebangsaan pasca kemerdekaan sedang dibentuk. Dengan menghidupkan kembali watak yang berkonflik dengan kuasa kolonial dan elit tempatan, teks menempatkan sejarah Johor dalam medan pertikaian moral dan politik. Yang penting, drama tidak menghasilkan heroisme yang bersih; ia mengekalkan keganasan dan kelemahan Si Bongkok, lalu menghalang pembaca daripada menerima sejarah sebagai binari mudah.

Konsep *writing back* yang diperkenalkan oleh Ashcroft, Griffiths dan Tiffin (2002) dalam perbincangan mengenai kesusasteraan pascakolonial lazimnya digunakan untuk

menjelaskan proses penulisan semula naratif sejarah yang sebelumnya didominasi oleh perspektif kolonial. Dalam konteks SBTP, kajian ini berhujah bahawa konsep *writing back* memperlihatkan lapisan yang lebih kompleks. Shaharom Husain tidak sekadar menulis semula sejarah kolonial dengan menggantikannya melalui naratif nasionalis yang bersifat tunggal dan simplistik, sebaliknya membina semula sejarah tersebut dengan mengekalkan kerumitan moral, pertentangan nilai dan ambivalensi yang terkandung dalam peristiwa asal. Pendekatan ini menjadikan SBTP sebagai suatu bentuk *writing back* yang lebih kritis dan bernuansa kerana teks tersebut tidak sekadar menggantikan mitos kolonial yang melabel penentangan sebagai kegiatan "lanun" yang perlu dihapuskan dengan mitos nasionalis yang mengangkat tokoh penentang sebagai "pahlawan" yang harus diagungkan. Sebaliknya, SBTP membuka ruang untuk menilai semula kedua-dua bentuk naratif tersebut dengan memperlihatkan kerumitan hubungan antara kuasa, penentangan, legitimasi dan pembentukan makna kepahlawanan dalam konteks sejarah kolonial. Perbahasan kontemporari tentang pascakolonialiti dan dekolonialiti turut menekankan ketidakseimbangan kuasa dalam penghasilan dan peredaran ekspresi budaya (R'boul, 2022). Dalam konteks ini, SBTP sebagai karya drama yang dihasilkan dan diedarkan dalam sistem penerbitan Melayu pasca kemerdekaan turut tertakluk kepada dinamik kuasa tersendiri, soal siapa yang mempunyai akses kepada penerbitan, siapa yang menentukan apa yang dianggap sebagai karya sastera "bermutu" dan layak diajar, serta bagaimana kanun kesusasteraan kebangsaan dibentuk selepas kemerdekaan. Walaupun persoalan ini berada di luar skop utama artikel ini, ia wajar dicatatkan sebagai lapisan tambahan kuasa yang turut membentuk bagaimana SBTP diterima dan ditafsirkan oleh khalayak akademik sejak penerbitannya.

Karya seni Asia Tenggara secara umum terus dibaca sebagai ruang yang dapat membayangkan semula wilayah serta sejarah di luar pemetaan kolonial (Gonzaga, 2024). SBTP, dalam pengertian ini, menyumbang kepada usaha yang lebih luas dalam kesusasteraan serantau untuk membina semula naratif sejarah yang tidak semata-mata mengikuti pemetaan dan kategori yang diwarisi daripada kolonialisme. Namun, sumbangan SBTP adalah unik kerana ia melakukan usaha ini bukan melalui penolakan total terhadap kategori kolonial (seperti menafikan bahawa Si Bongkok pernah melakukan sebarang keganasan), tetapi melalui pendedahan proses bagaimana kategori tersebut, "lanun", "penderhaka", dihasilkan dan mengapa ia tidak boleh diterima secara literal sebagai deskripsi objektif.

Model kriminalisasi dan ambivalensi *subaltern* yang dicadangkan dalam artikel ini juga mempunyai implikasi metodologi bagi kajian drama sejarah Melayu yang lain. Jika kajian akan datang mengaplikasikan model lima tahap ini kepada teks lain, adalah penting untuk memastikan setiap tahap dianalisis melalui bukti tekstual yang khusus, bukan diandaikan secara automatik berdasarkan konteks sejarah semata-mata. Sebagai contoh, kewujudan konflik antara watak tempatan dengan kuasa kolonial dalam sesebuah teks tidak secara automatik bermakna teks tersebut menghasilkan figurasi *subaltern* yang ambivalen; ia perlu disokong oleh analisis terperinci terhadap struktur wacana, pengagihan hukuman, bahasa legitimasi dan struktur pendengaran dalam teks tersebut, sepertimana yang telah ditunjukkan dalam kajian ini terhadap SBTP.

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.02

JADUAL 2. Rumusan Dapatan yang diperkukuh

Dapatan	Bukti dalam SBTP	Bacaan Teoretis	Sumbangan
Keadilan tidak seimbang	Kesalahan panglima tertentu didiamkan; Si Bongkok dilabel lanun	Hegemoni	Kriminaliti bergantung pada kedudukan dalam struktur kuasa
Penolakan Kompeni	Si Bongkok menolak arahan yang dikaitkan dengan Kompeni	Kriminalisasi kolonial	Motif politik wujud bersama motif peribadi
Simbol pengiktirafan kolonial	Kurniaan pedang Queen Inggeris dan kerjasama Kompeni	*Hybridity* politik	Autoriti tempatan disusun semula melalui jaringan kolonial
Bahasa keamanan	Pembesar menggunakan bahasa menghapus/mengamankan lanun	*Mimicry* autoriti	Tatabahasa ketertiban kolonial diadaptasi oleh elit tempatan
Suara Si Bongkok tidak diiktiraf	Tuntutan hadir sebagai ucapan penderhaka/lanun	*Subalterniti* termedia	Masalah utama ialah pengiktirafan, bukan ketiadaan suara literal
Keganasan Si Bongkok	Pembunuhan dan ancaman terhadap Tanjung	Ambivalensi	Menolak romantisasi; pahlawan/penderhaka kekal tidak stabil

KESIMPULAN

Artikel ini menghujahkan bahawa kekuatan pascakolonial SBTP tidak terletak pada kemampuannya membuktikan bahawa Si Bongkok ialah "pahlawan sebenar" yang telah disalah fahami, tetapi pada kemampuannya mendedahkan politik di sebalik kategori penderhaka, lanun dan pahlawan. Melalui pembacaan terhadap hegemoni, *hybridity*, *mimicry*, kriminalisasi dan *subalterniti*, kajian ini menunjukkan bahawa kuasa tempatan dalam drama memperoleh legitimasi melalui konfigurasi yang melibatkan pengiktirafan kolonial, sementara penentangan Si Bongkok ditolak ke dalam bahasa jenayah.

Objektif pertama dicapai dengan menunjukkan bahawa dimensi sosial, ekonomi dan politik dalam drama terikat pada proses penghasilan legitimasi dan ketidakadilan. Objektif kedua menunjukkan bahawa elit tempatan beroperasi dalam ruang kuasa hibrid dan mengadaptasi bahasa serta simbol ketertiban kolonial. Ini lebih tepat daripada menyamakan *hybridity* atau *mimicry* dengan pengkhianatan dan kepura-puraan. Objektif ketiga pula memperlihatkan Si Bongkok sebagai figurasi *subaltern* yang termedia di mana beliau mempunyai suara literal, tetapi tuntutannya tidak diterima sebagai politik yang sah oleh struktur dominan.

Sumbangan teoretis kajian ialah model yang menghubungkan persekutuan kolonial-elit tempatan, legitimasi, kriminalisasi wacana, *subalterniti* termedia dan ambivalensi kepahlawanan. Sumbangan historiografinya ialah meletakkan drama Melayu dalam dialog dengan kajian tentang pembentukan kolonial kategori *piracy* di Asia Tenggara. Sumbangan kepada kajian drama pula ialah menunjukkan bahawa teks sejarah pasca kemerdekaan dapat berfungsi sebagai tapak persaingan memori, bukannya sekadar ilustrasi fakta sejarah.

Kesimpulan ini juga menetapkan batas yang jelas. SBTP ialah karya dramatik dan bukan bukti langsung bahawa semua individu yang dilabel lanun pada abad ke-19 ialah

pejuang antikolonial. Begitu juga, artikel tidak menggeneralisasikan dapatan kepada semua bentuk pelabelan politik kontemporari. Sebaliknya, kajian menunjukkan satu mekanisme yang boleh diuji dalam korpus lain: bagaimana kuasa penamaan menentukan sama ada sesuatu bentuk kekerasan dibaca sebagai ketertiban, pemberontakan atau perjuangan.

Kajian lanjut boleh membandingkan SBTP dengan drama sejarah Melayu lain, sumber arkib kolonial dan tradisi lisan bagi menilai bagaimana tokoh yang sama berubah apabila berpindah antara rejim representasi. Kajian gender terhadap Tanjung juga penting, khususnya bagi meneliti bagaimana hegemoni kolonial, kelas dan patriarki bertindih dalam struktur dramatik. Pendekatan perbandingan sedemikian berpotensi mengembangkan kajian pascakolonial Melayu daripada pembacaan unsur kepada pembentukan teori yang berakar dalam pengalaman sejarah dan estetika Nusantara.

RUJUKAN

Abdul Latip Talib. 2007. *Johor dan Pemerintahan Temenggung*. Yayasan Warisan Johor.

Ashcroft, B., Griffiths, G. & Tiffin, H. 2002. *The Empire Writes Back: Theory and Practice in Post-colonial Literatures*. Edisi Kedua. London: Routledge.

Bhabha, H. K. 1994. *The Location of Culture*. London: Routledge.

Eklöf Amirell, S. 2019. *Pirates of Empire: Colonisation and Maritime Violence in Southeast Asia*. Cambridge: Cambridge University Press.

Eklöf Amirell, S., Buchan, B. & Hägerdal, H. (Peny.). 2021. Piracy in World History. Amsterdam: Amsterdam University Press.

Fanon, F. 1963. *The Wretched of the Earth*. (C. Farrington, Terj.). New York: Grove Press.

Gonzaga, E. 2024. Regionalism as anti-colonialism: Imaginaries of area in South East Asian omnibus film and database art. *South East Asia Research*, 32(2), 125-141.

Gramsci, A. 1971. *Selections from the Prison Notebooks.* (Q. Hoare & G. N. Smith, Peny. & Terj.). London: Lawrence & Wishart.

Guha, R. 1982. On some aspects of the historiography of colonial India. Dlm. R. Guha *(Peny.) Subaltern Studies I: Writings on South Asian History and Society,* hlm. 1-8. Oxford: Oxford University Press.

Lena Farida Hussain Chin. 2019. Akulturasi dan Neo Budaya dalam Drama Pascakolonial Malaysia: Evolusi Identiti Kebangsaan. Tesis PhD tidak diterbitkan, Universiti Sains Malaysia.

Lena Farida Hussain Chin. 2020. Interpretasi Kecelaruan Identiti Kebangsaan dalam Wacana Pascakolonialisme Menerusi Drama Jalan Sekerat Pulau Pinang Karya Ghulam Sarwar Yousof: Satu Analisis Krisis, *Hybridity, Ambivalency* dan *Mimicry*.

Mana Sikana. 2004. *Teori dan Kritikan Sastera Pascamoden*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mana Sikana. 2006. *Drama Melayu Moden: Isu dan Pemikiran.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Memmi, A. 1991. *The Colonizer and the Colonized*. (H. Greenfeld, Terj.). Boston: Beacon Press. (Karya asal diterbitkan 1957).

Müller, M. 2025. Primitive, peregrinate, piratical: Framing Southeast Asian sea-nomads in nineteenth-century colonial discourse and imperial practice. Dlm. J. Coakley, C. N. Kwan & D. Wilson (Peny.) *The Problem of Piracy in the Early Modern World:*

Maritime Predation, Empire, and the Construction of Authority at Sea, hlm. 57-92. Amsterdam: Amsterdam University Press.

R'boul, H. 2022. Communicating creativities: Interculturality, postcoloniality and power relations. *Third World Quarterly*, 43(6), 1478-1494.

Said, E. W. 1978. *Orientalism.* New York: Pantheon Books.

Shaharom Husain. 1961. *Si Bongkok Tanjung Puteri*. Pustaka Melayu.

Shaharom Husain. 1996. *Zaman Bergolak: Riwayat Hidup Shaharom Husain*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Spivak, G. C. 1988. Can the subaltern speak? Dlm. C. Nelson & L. Grossberg (Peny.) *Marxism and the Interpretation of Culture*, hlm. 271-313. Illinois: University of Illinois Press,

Syed Hussein Alatas. 1972. Feudalism in Malaysian society: A study in historical continuity. *Civilisations*, 22(3), 351-365.

Syed Hussein Alatas. 1977. *The Myth of the Lazy Native*. London: Frank Cass.

Thomas, P. D. 2018. Refiguring the *subaltern*. *Political Theory,* 46(6), 861-884.

Biodata Penulis:

Prof. Madya Dr. Lena Farida binti Hussain Chin merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Seni Persembahan, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Kepakaran beliau merangkumi pengajian persembahan (teater dan drama) moden dan tradisional.

Nadhilah binti Suhaimi merupakan pensyarah di Jabatan Seni Persembahan, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Selain penglibatan aktif dalam industri, beliau turut terlibat dalam pengajaran dan penyelidikan yang memfokuskan sejarah, pedagogi, kurikulum dan pendidikan teater.